

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 MARCH 2015

Jet eksekutif baharu kurang kos kerajaan

» Pesawat sedia
ada berusia
16 tahun
dilupus untuk
biayai ACJ320

Oleh Muhammad
Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Keputusan kerajaan
membeli pesawat ekse-
kutif Airbus Corporate

Jetliner (ACJ320) bertujuan mengurangkan kos operasi, pengurusan dan penyelenggaraan pesawat sedia ada, Boeing Business Jet (BBJ) yang sudah digunakan selama 16 tahun.

Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataan semalam, berkata perolehan pesawat baharu itu dibuat melalui kontrak pembelian sewa beli untuk tempoh 15 tahun.

"Pesawat BBJ digunakan oleh Penerbangan Malaysia (MAS) sejak tahun 1999 sebelum kerajaan memperoleh kapal terbang berkenaan pada tahun 2003 untuk kegunaan

U
*Perbincongong bogi
menggontikon BBJ
mulodibuotduotohun
lolu kerona kos
penyelenggaraan
kapal terbang
berkenaan semakin
meningkat berikuton
foktor usia dan risiko
keselamatan"*

**Kenyataan Jabatan
Perdana Menteri**

Yang di-Pertuan Agong. Pesawat BBJ kini berusia 16 tahun," kata kenyataan itu.

Berikutan perolehan pesawat baharu, kata kenyataan terbabit, pesawat BBJ akandi-lupuskan bagi membiayai pembelian ACJ320.

Kos selenggarameningkat
"Perbincangan bagi menggantikan BBJ mula dibuat dua tahun lalu kerana kos penyelenggaraan kapal terbang berkenaan semakin meningkat berikutan faktor usia dan risikokeselamatan.

"Perolehan ACJ320 dalam 'fleet' pesawat eksekutif kerajaan dapat mengurangkan kos operasi, pengurusan dan penyelenggaraan kerana kita sudah mempunyai ACJ320," kata kenyataan berkenaan.

Selain ACJ319 dan ACJ320, 'fleet' pesawat eksekutif kerajaan, termasuk kapal terbang lebih kecil, iaitu Falcon diperolehi pada tahun 1989 dan Global Express pada tahun 2001.